

Panduan Perkhidmatan Pelanggan

Etiqa Insurance Berhad menawarkan pelan insurans hayat melalui ejen insurans kami, rakan kongsi bank dan secara dalam talian.

Panduan ini menjelaskan perkhidmatan yang diberikan oleh Wakil Jualan Bancassurance kami.



Sebelum anda membeli polisi

Membantu anda untuk memilih pelan insurans yang sesuai

- Memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda dengan penggunaan Borang Pencarian Fakta Pelanggan.
- Menilai keperluan anda sebelum mengesyorkan pelan insurans yang sesuai.



Membantu anda dalam membuat keputusan yang sewajarnya

- Menerangkan ciri-ciri pelan, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.
- Menyediakan dan memberi penerangan melalui Helaiian Pendedahan Produk, Ilustrasi Jualan dan Helaiian Fakta Dana (sekiranya anda membeli pelan berkaitan pelaburan).

eTiqa
Insurans


Menginsankan Perkhidmatan Kewangan.



Apabila anda sudah bersedia untuk membeli polisi

Membantu anda untuk membuat permohonan polisi

- Menerangkan kepentingan untuk menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan dengan lengkap dan tepat.
- Menghantar permohonan anda ke Etiqa Insurance Berhad untuk diproses setelah anda menandatangani Borang Permohonan.
- Membantu anda dalam pemeriksaan kesihatan dengan klinik panel Etiqa Insurance Berhad, sekiranya perlu.
- Memberikan maklumat yang lengkap untuk membuat penamaan bagi memastikan pembayaran polisi boleh diterima oleh penama sekiranya berlaku kematian pemunya polisi.



Menerangkan terma-terma dan syarat-syarat polisi

- Dokumen polisi akan dihantar kepada anda (serahan tangan atau melalui pos) dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh lulus permohonan anda.
- Memberi penerangan tentang terma-terma dan syarat-syarat polisi bagi memastikan pelan tersebut adalah betul sebagaimana yang dibeli.



Dalam tempoh berkuatkuasa polisi

Memberikan perkhidmatan kepada anda sepanjang tempoh polisi

- Membantu dalam permohonan perkhidmatan anda kepada Etiqa Insurance Berhad, seperti penukaran butiran polisi, alamat, pembayaran premium dan penyerahan polisi ATAU anda boleh mengunjungi cawangan Etiqa yang terdekat.

Sekiranya Wakil Jualan Bancassurance anda tidak lagi mewakili kami, anda boleh melibatkan mana-mana Wakil Jualan Bancassurance di cawangan Maybank untuk perkhidmatan yang anda perlukan.



Membantu anda dalam membuat tuntutan.

- Membantu anda dalam penyerahan borang tuntutan dan dokumen anda kepada Etiqa Insurance Berhad ATAU anda boleh mengunjungi cawangan Etiqa yang terdekat.

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Wakil Jualan Bancassurance kami, atau memerlukan sebarang bantuan daripada Maybank, anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan Maybank di talian **1 300 88 6688**

 **Maybank**